



**PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN IPOH TIMUR**
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

12 NOVEMBER 2020

**KENYATAAN MEDIA YB WONG KAH WO, PENERUSI PAC PARLIMEN
MALAYSIA**

1. Saya ingin mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada dua bekas Ahli PAC iaitu YB Tan Sri Noh Omar, Ahli Parlimen Tanjung Karang dan YB Datuk Seri Ahmad Maslan, Ahli Parlimen Pontian atas sumbangan mereka kepada Jawatankuasa ini, selepas dilantik pada 2 November lalu.
2. Pada masa sama, saya ingin mengucapkan selamat datang kepada dua ahli PAC baru yang dipersetujui Dewan Rakyat pagi tadi iaitu YB Dato' Hasbullah Osman, Ahli Parlimen Gerik dan YB Ramli Mohd Nor, Ahli Parlimen Cameron Highlands yang dipilih menganggotai PAC Parlimen.
3. Saya berharap mendapat kerjasama daripada kedua-dua ahli PAC baru ini, dalam memastikan Jawatankuasa ini dapat menjalankan fungsi serta tanggungjawab yang diamanahkan oleh rakyat.
4. Di sini, saya ingin memaklumkan bahawa sejak PAC Parlimen kembali mula bersidang pada 3 November lalu hingga Jawatankuasa Tetap Dewan Rakyat ini, sudah mengadakan 15 kali mesyuarat serta taklimat sehingga hari ini.

5. Sebanyak lima Kementerian dan Jabatan sudah memberikan taklimat serta maklum balas kepada PAC termasuk Kementerian Kewangan (MOF), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC), Jabatan Audit Negara dan Khazanah Nasional.

6. PAC juga sudah membentangkan tiga laporan di Dewan Rakyat dan adalah menjadi sasaran Jawatankuasa ini, untuk membentangkan sekurang-kurangnya satu laporan setiap minggu di Parlimen.
 - i) DR7/2020 - Pengurusan Projek Sekolah Sukan Malaysia (SSM) Perlis;

 - ii) DR6/2020 - Tindakan Susulan Kementerian Kewangan (MOF) bagi Syor-Syor Laporan PAC Parlimen (DR5/2019) berhubung Tuntutan Tunggalan Bayaran Balik Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) Berjumlah RM19.4 Bilion; dan

 - iii) DR2/2020 - Projek Sistem Kutipan Caj Jalan (RC) dan Rekod Kemasukan Kenderaan Asing (VEP).

Sekian, terima kasih.

YB Wong Kah Woh